

U B937 AAB
MAHATHIR - SIA

KUCHING, 13 OKT (BERNAMA) -- KERAJAAN PERSEKUTUAN TELAH BERSETUJU MEMBENARKAN PENERBANGAN SINGAPURA (SIA) MENGADAKAN DUA PENERBANGAN SEMINGGU KE KUCHING DAN KOTA KINABALU KERANA IA INGIN MELIHAT LEBIH RAMAI PELANCONG ASING BERKUNJUNG KE SARAWAK DAN SABAH, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PIHAK-PIHAK YANG TERLIBAT MASIH LAGI MENGADAKAN RUNDINGAN MENGENAI SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN ITU, KATANYA PADA PERSIDANGAN AKHBAR DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUCHING DI AKHIR LAWATANNYA KE SARAWAK. BELIAU BERLEPAS KE KOTA KINABALU BERSAMA-SAMA ISTERINYA DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI SELEPAS BERADA DI NEGERI INI SEJAK SEMALAM.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA ADA BEBERAPA SYARAT DIKENAKAN KE ATAS SIA KERANA KERAJAAN TIDAK MAHU SIA MENJADIKAN SARAWAK SEBAGAI TEMPAT BAGINYA MENGUTIP PENUMPANG DARI NEGERI INI UNTUK DIBAWA KE NEGERA LAIN ATAU MEMBAWA PENUMPANG DARI NEGERA LAIN KE SARAWAK.

KATANYA WALAUPUN SIA AKAN DIKENAKAN KUOTA DALAM MEMBAWA PENUMPANG SARAWAK, SYARIKAT ITU DIHARAPKAN DAPAT MEMBAWA BANYAK PELANCONG KE NEGERI INI YANG SEMAKIN MAJU DALAM USAHANYA MENINGKATKAN INDUSTRI PELANCONGANNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA KEJAYAAN PROGRAM TAHUN MELAWAT MALAYSIA MENUNJUKKAN BETAPA SEBARANG RANCANGAN OLEH KERAJAAN BARISAN NASIONAL (BN) AKAN SENTIASA MENCAPAI MATLAMATNYA. -- LAGI
1137MST 13 10 90

D118

U B938 AAB
MAHATHIR - SIA 2 KUCHING

MENURUTNYA, KIRA-KIRA TIGA TAHUN SELEPAS KEMENTERIAN KEBUDAYAAN DAN PELANCONGAN DIWUJUDKAN INDUSTRI PELANCONGAN NEGARA TELAH MENINGKAT MAJU DAN SEHINGGA INI JUMLAH PELANCONG YANG MELAWAT MALAYSIA SUDAH MENINGKAT SEBANYAK 63 PERATUS DAN DARIPADA SEGI PENDAPATAN PULA SEBANYAK 90 PERATUS.

KETUA MENTERI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, YANG TURUT BERADA BERSAMA PERDANA MENTERI, BERKATA KEMUDIAN YANG KERAJAAN SARAWAK MENYAMBUT BAIK LANGKAH ITU KERANA IA PASTI AKAN MENINGKATKAN LAGI INDUSTRI PELANCONGAN NEGERI INI.

MENTERI ALAM SEKITAR DAN PELANCONGAN NEGERI, DATUK AMAR JAMES WONG PULA BERKATA PERKHIDMATAN SIA KE KUCHING MUNGKIN DAPAT DIADAKAN MENJELANG AKHIR TAHUN INI ATAU AWAL TAHUN DEPAN. -- BERNAMA
1139MST 13 10 90